

DATE: 28/01/2008

Malaysia terhutang budi

KUALA LUMPUR 27 Jan. - Malaysia terhutang budi kepada Suharto atas peranannya mengakhiri gerakan Konfrontasi Indonesia ke atas Malaysia selepas menjadi Presiden Indonesia, kata Tun Dr. Mahathir Mohamad hari ini.

Ketika memberi penghormatan kepada Suharto, bekas Perdana Menteri Malaysia itu berkata: "Kami memandangnya sebagai pemimpin ulung dan negarawan antarabangsa. Bagi diri saya, ia agak peribadi. Saya mengenalnya dan berurusan dengan dia untuk tempoh sekian lama.

"Saya menganggapnya sebagai sahabat Malaysia dan rakan karib," katanya ketika mengulas mengenai pemergian Suharto kepada *Bernama* dan RTM di kediamannya di Seri Kembangan di sini.

Suharto, 86, meninggal dunia pada 1.10 petang ini waktu tempatan (2.10 waktu Malaysia).

Beliau yang memerintah Indonesia selama 32 tahun dari 1966 hingga 1998 berada dalam keadaan kritikal sejak dimasukkan ke Hospital Pusat Pertamina, Jakarta Selatan pada 4 Jan lepas.

Dr. Mahathir berkata, Malaysia menghargai usaha-usaha Suharto untuk menamatkan

konfrontasi yang dicanangkan oleh Presiden pertama Indonesia, Sukarno, ke atas Malaysia pada 1962.

"Wujud banyak perasaan muhibah dan hasrat ikhlas dalam usahanya mengakhiri konfrontasi itu. Allahyarham menghargai hubungan baik dengan Malaysia," katanya.

Dr. Mahathir berkata, beliau menganggap laporan media Barat sebagai 'karut mutlak' menuduh Suharto dalam pembunuhan hampir 500,000 orang apabila mengambil alih kuasa selepas komunis gagal merampas kuasa pada 30 September 1965.

"Pada hakikatnya saya memang tahu itu. Saya tahu apa yang berlaku.

"Indonesia ketika itu huru-hara dan Suharto tidak mempunyai kuasa. Pada masa insiden pembunuhan itu, Allahyarham belum lagi menjadi Presiden. Allahyarham tidak mengarahkan pembunuhan itu," katanya.

Katanya rakyat tidak harus lupa peranan Amerika Syarikat dalam menyokong angkatan tentera Indonesia untuk menggulingkan Sukarno, ketika Barat mengkritik kepimpinannya pada tempoh konfrontasi antara 1962 dan 1966.

"Barat juga sama-sama bertanggungjawab atas perubahan berdarah kepimpinan di Indo-

nesia. Siapa sahaja tidak harus dengan mudah menuding jari atas pembunuhan 500,000 orang sebagai kerja presiden Suharto seperti dilaporkan oleh media Barat," katanya, sambil menjelaskan bahawa Suharto sahaja yang memulihkan keadaan pada masa itu.

Dr. Mahathir menghargai Suharto kerana peranan besarnya dalam membangunkan Indonesia yang mempunyai lebih 13,000 pulau dan 200 juta penduduk.

"Walaupun Indonesia bukan merupakan negara demokrasi unggul ketika masa Suharto, hakikatnya beliau membawa kestabilan kepada Indonesia. Sudah tentu, ada harga yang perlu dibayar," katanya, sambil mengakui ada sebilangan orang yang menderita di bawah pentadbiran Suharto.

Penderitaan itu mungkin menjadi lebih teruk jika Suharto tidak mengatasi keadaan huru-hara dan memulihkan undang-undang di negara keempat paling tinggi kepadatan penduduk di dunia, katanya.

Dr. Mahathir berkata, beliau tidak dapat bercakap dengan Suharto ketika melawatnya di Hospital Pertamina, Jakarta Selatan, 14 Jan lalu.

"Saya fikir dia tahu kehadiran saya," katanya. Mengenai dakwaan rasuah yang teruk se-

masa zaman pemerintahan Suharto, Dr. Mahathir berkata: "Anda tidak boleh menyalahkan Suharto semata-mata kerana amalan rasuah memang wujud sekian lama dan ia berlaku di banyak negara.

"Juga di Malaysia, ada rasuah. Jadi untuk menyalahkan sepenuhnya ke atas dirinya, ia tidak betul," katanya.

Dr. Mahathir berkata beliau menikmati hubungan kerja dan hubungan peribadi yang baik dengan Suharto kerana masing-masing mampu bercakap secara ikhlas dan terbuka.

"Menang sentiasa ada beberapa pertikaian antara dua negara tetapi pertikaian itu tidak menular kepada keadaan konfrontasi. Kami ada pertikaian mengenai tuntutan kawasan walaupun kita tidak mampu menyelesaikan semua masalah.

"Kami berjaya berbual dalam suasana mesra," katanya, sambil merujuk kepada pertikaian tuntutan kepulauan Ligitan dan Sipadan.

Kedua-dua negara itu bersetuju merujuk tuntutan pertindihan itu ke Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ di Hague, Belanda, di mana mahkamah kemudian memerintahkan bahawa kedua-dua pulau di pantai timur Sabah itu menjadi milik Malaysia.